



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA MPSP**

## SEMPENA

**PROGRAM INTEGRITI BERSAMA PENIAGA  
“SAYA PENIAGA BERINTEGRITI”**

**17 APRIL 2018 (SELASA)  
8.30 PAGI**

**RUANG LEGAR LOBI MPSP,  
MENARA MPSP, BANDAR PERDA**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berbahagia Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud**  
Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Dihormati Encik Mohd Ismail Abdul Jalil**  
Pengarah Kluster Ekonomi INTEGRITI

**Ketua-Ketua Jabatan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan MPSP**

**Pegawai-Pegawai Kanan dan Kakitangan-kakitangan**  
INTEGRITI dan MPSP

**Peniaga-peniaga**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

**ASSALAMU ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABAROKATUH**

**SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT PAGI**

Alhamdullillah bersyukur kehadirat ilahi, pada pagi yang barakah ini dapat kita bersama-sama berkumpul untuk Program Integriti bersama Peniaga “Saya Peniaga Berintegriti”.

Saya mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajudin dan pasukan daripada Institut Integriti. Saya amat menghargai usaha yang ditunjukkan oleh pihak INTEGRITI bagi melaksanakan program/ aktiviti berkaitan integriti yang melibatkan peniaga kecil dan penjaja di kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang hadir terutamanya Ahli-ahli Majlis, pegawai-pegawai dan kakitangan MPSP dan INTEGRITI serta peniaga-peniaga yang tidak melepaskan peluang untuk mendengar sendiri amanat yang ingin disampaikan oleh Institut Integriti dan MPSP.

Saya ingin memetik kata-kata seorang cendiakawan inggeris iaitu Albert Einstein “*Integrity without Knowledge Is Weak & Useless and Knowledge without Integrity Is Dangerous and Dreadful*”. Sesuai dengan program pada pagi ini, dengan pemahaman yang akan

diperolehi dan sikap integriti yang ada pada diri kita, insyaallah kita tidak akan tejerumus ke dalam tindakan-tindakan yang tidak sihat. “*Knowledge is Power*” dan ianya perlu bergerak seiring dengan sikap integriti dalam diri kita. Jika tiada ilmu dan integriti, kita akan mudah terjebak dengan penyelewengan, penipuan demi kepentingan peribadi tanpa memikirkan implikasi perbuatan kita terhadap imej organisasi dan negara.

**YBhg. Dr, tuan-tuan dan puan-puan,**

MPSP sentiasa menitikberatkan soal ketelusan dan integriti dalam perkhidmatan seharian. Untuk makluman semua, MPSP adalah organisasi pertama yang dipersijilkan Sistem Pengurusan Anti-Suapan / Sogokan ISO 37001:2016 (ABMS) oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 20 Oktober 2017 dengan nombor siri pensijilan ABMS 00101. Sistem ini dilaksanakan di MPSP bertujuan untuk memperkasakan pematuhan undang-undang berkaitan suapan / sogokan serta membantu mengurangkan risiko suapan. Dengan persijilan ABMS ini, MPSP secara tidak langsung dapat meningkatkan persepsi masyarakat dalam semua aspek pentadbiran, pengurusan dan perkhidmatan MPSP semasa kita berurusan dengan *stakeholders*, orang awam, termasuk peniaga-peniaga di seluruh Seberang Perai.

Untuk menunjukkan kesungguhan MPSP dalam soal Integriti ini, MPSP telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam program-program integriti seperti Taklimat Integriti Dan Pencegahan Rasuah Dalam Perkhidmatan Awam yang telah diadakan pada 16 Jun 2017 dan juga Ikrar Bebas Rasuah (IBR) (Corruption Free Pledge) Peringkat Negeri Pulau Pinang yang telah diadakan pada 4 Ogos 2017. Usaha ini selari dengan usaha MPSP untuk mencapai visi dan misi MPSP serta merealisasikan pentadbiran yang mengamalkan prinsip "**Cekap, Akauntabiliti, Telus**".

MPSP memberi peluang kepada semua *stakeholders* atau orang awam untuk mencuba nasib dan tiada istilah pilih kasih dalam pemilihan peniaga gerai MPSP. Mana-mana penjaja dan peniaga kecil warganegara Malaysia yang berminat untuk menyewa gerai MPSP boleh hadir ke temuduga terbuka tersebut yang diadakan sebanyak dua (2) kali pada setiap bulan bertempat di Pejabat Cawangan MPSP Jalan Betek. Sebarang maklumat berkaitan temuduga terbuka ini boleh disemak melalui website MPSP atau papan kenyataan di pasar-pasar awam atau kompleks makanan yang terdapat kekosongan gerai. MPSP juga telah meningkatkan ketelusan dengan menetapkan hari temuduga terbuka gerai adalah pada setiap Isnin dan Selasa minggu terakhir setiap bulan.

Di samping itu, MPSP juga telah menambahbaik prosedur/ SOP pelesenan bagi memudahkan proses permohonan lesen disamping insentif yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kadar lesen yang dikenakan oleh MPSP berdasarkan Undang-undang Kecil Penjaja 1991 adalah sebanyak RM30 / bagi penjaja statik dan RM60 / bagi kategori penjaja bergerak. Atas keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, insentif sebanyak dua (2) kali telah diberikan kepada penjaja & peniaga kecil iaitu bermula tahun 2008, diskaun 50% diberikan ke atas kadar lesen tersebut dan terbaru pada tahun ini, pengecualian bayaran lesen secara *one off* kepada semua pemegang lesen diberikan pada tahun 2018 yang akan memberi manfaat kepada 8885 penjaja berlesen di seluruh Seberang Perai dan MPSP kehilangan hasil daripada pengecualian ini sebanyak RM132,825.00.

**YBhg. Dr, tuan-tuan dan puan-puan,**

MPSP begitu komited dalam menanggani masalah integriti dikalangan penjaja. Antara isu-isu yang hangat diperkatakan adalah isu berniaga tanpa lesen, memberi sewa kepada orang lain khususnya warganegara asing, vandalisme, evolusi konsep penjajaan kaedah baru secara “*Mobile vehicles*” seperti *foodtruck*, pasar tani bergerak yang tidak mempunyai lesen, isu kebersihan dan membuat binaan tambahan. Suka saya tegaskan di sini, bahawa MPSP tidak teragak-agak untuk

mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas mana-mana penjaja yang melanggar etika dan integriti penjaja di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja 1991.

Pada pendapat saya, bagi membentuk budaya niaga yang berintegriti dan sihat, para peniaga perlu mengamalkan sikap tanggungjawab ke atas perniagaan yang dijalankan merangkumi aspek jujur dan amanah dalam urusan jual beli dan melaksanakan amalan kebersihan termasuk mengambil suntikan tifoid dan menghadiri kursus pengendalian makanan. Tiada jalan pintas untuk berjaya tuan-tuan dan puan-puan. Oleh itu, saya mohon jangan diabaikan atau memandang remeh terhadap peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa. Janganjadikan undang-undang ini satu bebanan tapi jadikan ia sebagai *guideline* atau garis panduan untuk menjadi peniaga berdisiplin.

**YBhg. Dr, tuan-tuan dan puan-puan,**

Saya juga tidak ingin bercakap panjang memandangkan kita akan adakan sesi bual bicara sebentar lagi. Saya berharap dengan adanya program sebegini, dapat memberi pemahaman kepada semua penjaja di seluruh Seberang Perai supaya mengamalkan integriti yang baik dalam urusan perniagaan seharian bagi memajukan ekonomi masyarakat setempat khususnya dalam menambah baik persepsi orang ramai.

Jadikan amalan kebersihan, keselamatan dan keceriaan tempat niaga sebagai salah satu keperluan yang mesti dipatuhi dan ditingkatkan dari semasa ke semasa. Apa yang kita lakukan di dunia ini adalah untuk kita perolehi keberkatan dalam kehidupan. Rezeki yang kita terima ini yang akan mencorakkan sikap dan sifat anak-anak kita atau generasi yang akan datang.

Akhir kata, terima kasih kepada penganjur dan semua yang hadir pada hari ini dan saya berharap program ini dapat memberi manfaat kepada semua dan kita semua tidak hanya pulang dengan tangan kosong tetapi dengan ilmu bahkan semangat yang kita akan terapkan nilai integriti dalam urusan sehari-hari kita untuk melakukan perubahan ke arah yang lebih cemerlang.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Sekian, terima kasih.**